

KENYATAAN DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI
MESYUARAT MAJLIS PENUH
23 NOVEMBER 2020

1. BIL CUKAI TAKSIRAN SECARA DIGITAL SERTA GALAKAN PEMBAYARAN MELALUI CYBERBILL ATAU DALAM TALIAN (ONLINE)

Sukacita dimaklumkan bahawa bil cukai taksiran **Penggal Pertama Tahun 2021**, akan dihantar secara digital iaitu **CyberBill** melalui sistem pesanan ringkas (sms) atau e-mel berdasarkan rekod dalam pengkalan data MBSP. Inisiatif ini selari dengan pelaksanaan amalan norma baharu dalam penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan kesan daripada penularan wabak Covid-19. Ianya juga selari dengan hasrat menjadikan **Seberang Perai Sebagai Sebuah Bandaraya Pintar Dan Bandaraya Rendah Karbon Menjelang Tahun 2022**.

Pemilik harta berkadar yang belum mengemaskini maklumat, sila layari laman web MBSP di ruangan **'pengumuman'** bagi

mengemaskini maklumat e-mel dan nombor telefon bimbit terkini anda.

Bil cukai taksiran boleh disemak dan dicetak sendiri secara dalam talian melalui platform cukai online MBSP yang telah disediakan yang mana ianya lebih mudah, cepat dan efisien. Berikut adalah tatacara menyemak dan mencetak bil cukai taksiran melalui laman web MBSP berikut:-

Langkah 1	Layari https://www.mbsp.gov.my dengan memilih Perkhidmatan Cyber Counter
Langkah 2	klik menu " Menyemak Dan Mencetak Bil Cukai Taksiran " dengan memasukkan no, akaun cukai
Langkah 3	Maklumat Cukai Dipaparkan. Klik Cetak Bil.

Sebarang pertanyaan, sila hubungi Bahagian Hasil Jabatan Perbendaharaan Majlis Bandaraya Seberang Perai di talian 04-5497696/ 697/ 470/ 471 atau e-mel di waran@mbasp.gov.my.

2. PROMOSI PENGURANGAN BAYARAN KOMPAUN TEMPAT LETAK KERETA SEMPENA HARI BANDARAYA TAHUN 2020

Dimaklumkan bahawa promosi bayaran kompaun Tempat Letak Kereta (TLK) telah dijalankan bermula 1 September 2020 dan akan tamat pada 31 Disember 2020. Sepanjang tempoh promosi pengurangan kompaun Tempat Letak Kereta (TLK) ini dijalankan, Orang Kena Saman (OKS) yang telah menerima Notis Tawaran Kompaun (NTK) boleh menjelaskan bayaran kompaun pada kadar RM 5.00 bagi setiap kompaun yang diterima. Promosi pengurangan kompaun ini dikecualikan ke atas kompaun yang telah didaftarkan untuk tindakan Mahkamah.

MBSP telah memaparkan rekod kompaun lampau / kompaun tertunggak yang belum dijelaskan dari tahun 2018 hingga 2019 di laman web MBSP dan laman akaun media sosial "*Facebook MBSP*". Saya menyeru seluruh penduduk Seberang Perai merebut peluang bagi menjelaskan kompaun Tempat Letak Kereta yang mana promosi akan berakhir pada 31 Disember 2020.

3. PROMOSI BAYAR CUKAI DAN MENANG CUKAI TAKSIRAN TAHUN 2021

Dimaklumkan bahawa **Promosi Bayar Cukai & Menang : Cukai Taksiran MBSP Tahun 2021** akan bermula pada 1 Disember 2020 dan tamat pada 28 Februari 2021. Kriteria yang telah ditetapkan bagi melayakkan pembayar cukai terpilih dalam cabutan bertuah ini adalah seperti berikut :-

- a. Khusus kepada pembayaran cukai taksiran yang dibuat sepenuhnya melalui '**KIOSK, AGENSI KUTIPAN ATAU SECARA DALAM TALIAN (ONLINE) SAHAJA**'.
- b. Pembayaran cukai taksiran di kaunter ibu pejabat MBSP dan kaunter cawangan tidak layak menyertai cabutan ini.
- c. Cukai taksiran setahun bagi tahun 2021 hendaklah dijelaskan sepenuhnya berserta tunggakan sekiranya jika ada.
- d. Pembayaran hendaklah dibuat dalam tempoh yang ditetapkan iaitu 1 Disember 2020 hingga 28 Februari 2021.

MBSP telah menyediakan sebanyak **empat puluh (40) hadiah** yang amat lumayan hanya bagi pembayaran melalui kiosk, agensi atau secara dalam talian (online) sahaja. Ini adalah bertujuan untuk menggalakkan penggunaan teknologi ICT yang telah disediakan kepada orang awam untuk membuat pembayaran cukai taksiran secara online serta selari dengan amalan norma baharu ketika negara dilanda Covid19 ketika ini. Hadiah-hadiah cabutan bertuah yang ditawarkan seperti berikut:

Kedudukan Hadiah	Jenis Hadiah
Tempat Pertama	Wang Tunai RM10,000
Tempat Ke- 2	Wang Tunai RM5,000
Tempat Ke- 3	Wang Tunai RM3,000
Tempat Ke- 4	Wang Tunai RM2,000
Tempat Ke- 5	Wang Tunai RM1,000
Tempat Ke- 6	Wang Tunai RM1,000
Tempat Ke- 7	Wang Tunai RM1,000
Tempat Ke- 8	Wang Tunai RM1,000
Tempat Ke- 9	Wang Tunai RM1,000
Tempat Ke- 10	Wang Tunai RM1,000
Tempat Ke-11 hingga Ke-40	Peralatan sukan / rekreasi, perkakasan teknologi maklumat / telekomunikasi serta peralatan rumah dan elektrik.

Maklumat lanjut mengenai terma dan syarat, sila layari laman web <https://www.mbsp.gov.my> (pengumuman) atau hubungi di talian 04-5497470 / 471 / 697 / 696 / 468 / 790 atau e-mail di waran@mbsp.gov.my

SEKIAN, TERIMA KASIH.